



Received: 2024-02-11

Accepted: 2024-06-24

Published: 2024-06-26

**Original Article****Faktor Budaya Dalam Pembangunan Bakat Manusia Menurut Perspektif Islam: Satu Tinjauan**

**(Cultural Factors in the Development of Human Talent According to the Islamic Perspective: A Review)**

Tajul Nizam bin Ibrahim<sup>a\*</sup>, Zaharah Binti Hussin<sup>a</sup> & Ahmad Zabidi bin Abdul Razak<sup>a</sup>

<sup>a</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Malaysia

\* Corresponding author, email: [tajulnizamibrahim@gmail.com](mailto:tajulnizamibrahim@gmail.com)

**ABSTRACT**

Islam emphasizes the development of human talents in line with individual potential and abilities. Each person possesses different spiritual and physical capacities (spiritual, emotional, physical and intellectual) within different environments. As we explore, these potentials and abilities are unique with specific characteristics. They cannot, however be optimally developed due to various constraints. This article aims to present factors influencing human talent development from an Islamic perspective. The study data obtained through document analysis method. The findings indicated that factors contributing to human talent development from an Islamic perspective are significantly influenced by both individual traits and the surrounding environment. These findings can serve as a guide in managing one's talent to fulfill the gifts and potential granted by Allah to humanity.

**Keywords:** Culture, Human Talent Development, Islamic Perspective

**Pendahuluan**

Allah SWT menciptakan manusia bertujuan untuk beribadah kepada Allah SWT dan menjadi khalifah di muka bumi dengan memegang amanah yang cukup besar yang juga dikenali sebagai *takhif* (Inong Satriadi, 2009).<sup>1</sup> Selain manusia, Allah SWT turut menciptakan makhluk lain untuk tujuan yang sama iaitu untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Firman Allah SWT berfirman:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Al-Dhariyat 51:56

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

<sup>1</sup> Satriadi, Inong. "Tujuan Penciptaan Manusia dan Nilai Edukasinya (Kajian Tafsir Tematis)." *Ta'dib* 12, no. 1 (2009), 44.

Ayat ini menerangkan bahawa tujuan penciptaan jin dan manusia tidak lain adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Allah SWT tidak menciptakan makhluk tanpa tujuan. Ini dijelaskan melalui firman-Nya:

أَنْحَسِبُتُمْ أَنَّا خَلَقْنَاكُمْ عَبْدًا وَأَنْكُمُ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ

Al-Mu'minun 23:115

Terjemahan: "Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?"

Manusia mempunyai peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, Allah SWT menciptakan manusia dengan sempurna dan sebaik-baik ciptaan bagi membolehkan manusia melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah. Firman Allah SWT:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Al-Tin 95:4

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).

Menurut Adi Ari Hamzah dan Dedi Risanto (2022)<sup>2</sup>, ayat ini menerangkan tentang manusia yang merupakan ciptaan yang paling sempurna di antara makhluk, mempunyai beberapa kelebihan, memiliki proses dan mempunyai keperibadian kreatif yang berlainan dari makhluk-makhluk lain.

Allah SWT menjelaskan berkaitan penciptaan manusia menerusi firman Allah SWT:

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ

Al-Hijr 15:29

Terjemahan: Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya.

Ayat ini menyatakan bahawa penciptaan manusia adalah gabungan dua elemen iaitu *ruhiyyah* (rohani) dan *jasadiyyah* (fizikal). Menurut Hamka (2020)<sup>3</sup>, ayat ini menjelaskan berkaitan kejadian manusia yang terdiri daripada gabungan unsur ghaib, tanah (zahir) dan ruh (spiritual). Penciptaan manusia berbeza di antara satu sama lain dari aspek fizikal, kekuatan dan jantina (Ahmad Nazri Mohd Yusof, 2017)<sup>4</sup>. Perbezaan dari aspek jantina pada umumnya sebagai contoh, lelaki lebih kuat dan bertenaga daripada wanita sementara dari aspek perasaan, wanita lebih bersifat lembut berbanding lelaki. Kelebihan dan kekurangan ini kesemuanya mempunyai rahsia yang tersendiri. Allah SWT menjelaskan mengenai perbezaan dan kepelbagaiannya dalam penciptaan manusia menerusi firman Allah SWT:

<sup>2</sup> Hamzah, Adi Ari, and Dedi Rismanto. "Konsep Manusia dalam Al-Qur'an Surat Al-Tin Pendekatan Tafsir Fazlur Rahman." *Lisyabab: Jurnal Studi Islam dan Sosial* 3, no. 1 (2022): 53-66.

<sup>3</sup> Abdul Malik Karim Amrullah. *Tafsir Al-Azhar*, Juzuk 14. (Kuala Lumpur: BS Print (M) Sdn. Bhd., 2020), 37.

<sup>4</sup> Ahmad Nazri Mohd Yusof, "Hidup Berpasangan Beri Ketenangan," *Berita Harian*, May 15, 2017.

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَاوَرُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتُقْرَبُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ

Al-Hujurat 49:13

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (keadaan dan amalan kamu).

Kejadian manusia sememangnya unik. Allah SWT telah menganugerahkan akal, satu kelebihan yang membolehkan manusia melakukan perkara yang mempermudahkan urusan selain boleh digunakan untuk urusan dan pentadbiran kehidupan (Muhammad Amin, 2018)<sup>5</sup>. Al-Quran turut menjelaskan tentang penciptaan manusia dari sebatian pelbagai jenis tanah berdasarkan susunan ayat al-Quran yang berikut;

Jadual 1 : Ayat al-Quran Penciptaan Manusia dari Unsur Tanah

Bil	Nama Surah dan Ayat	Huraian
1	Surah Fatir Ayat 11	penciptaan manusia dari tanah kemudian daripada (setitis) air benih
2	Surah Sajadah Ayat 7	penciptaan manusia dimulakan dari tanah
3	Surah al-Mu'minun Ayat 12	penciptaan manusia daripada pati (yang berasal) daripada tanah
4	Surah al-Saffat Ayat 11	penciptaan daripada tanah liat (yang senang diubah dan diciptakan semula),
5	Surah al-Hijr Ayat 26	penciptaan manusia (Adam) dari tanah liat yang bering, yang berasal daripada tanah kental yang berubah warna dan baunya
6	Surah al-Rahman Ayat 14	penciptaan manusia (lembaga Adam) daripada tanah liat kering seperti tembikar.

Sumber : Khairul Anuar Mohamad (2020)<sup>6</sup>

Allah SWT menjadikan kepelbagaian dalam unsur ciptaan makhluk. Manusia diciptakan daripada sebatian unsur ruh dan tanah, syaitan diciptakan Allah SWT daripada api manakala malaikat daripada cahaya. Perbezaan unsur penciptaan makhluk ini menggambarkan sifat kejadian yang berbeza. Malaikat cenderung melakukan ibadat, bertasbih dan menuruti perintah Allah SWT. Syaitan dikenali sebagai makhluk yang sering melakukan maksiat, kerosakan, jahat dan menyesatkan. Manusia pula yang bersifatkan khalifah, mentadbir dunia, mempunyai nafsu

<sup>5</sup> Amin, Muhammad. "Kedudukan akal dalam Islam." *Tarbawi: Jurnal Pendidikan Agama Islam* 3, no. 01 (2018): 79-92.<sup>6</sup> Khairul Anuar Mohamad, "Al-Quran dan kejadian manusia," *Utusan Malaysia*, September 1, 2020.

dan berupaya memilih perkara baik dan buruk. Unsur *ruhiyyah* dan *jasadiyyah* yang ada pada manusia ini membolehkan manusia mempunyai pilihan dan keupayaan atau potensi untuk mencapai matlamat penciptaan manusia iaitu untuk beribadah kepada Allah SWT,

Perbezaan ciptaan makhluk oleh Allah ini sudah tentu mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Alfurqan dan Harmonedi (2017)<sup>7</sup> berpendapat bahawa manusia terdiri dari unsur jasmani dan rohani yang mempunyai kemampuan dan kecenderungan berkembang, sebuah anugerah yang dikenali sebagai fitrah atau potensi. Fitrah ini bersifat anjal dan sumbangannya faktor persekitaran diperlukan agar iaanya aktif dan boleh digunakan untuk memandu potensi bagi manusia mengenal diri dan memahami apakah objektif utama dan terakhir bagi kehidupan. Manusia mempunyai akal dan dengan ini dapat mengembangkan bakat dan potensi yang dimiliki, selain hati, satu unsur yang dapat menjadikan manusia makhluk bermoral, beriman dan merasai kehadiran tuhan secara spiritual. Setiap orang Islam perlu menyedari potensi yang diri miliki supaya ia dapat digunakan dengan baik untuk menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah (Mohd Akib & Syed Muhsin, 2019)<sup>8</sup>. Elemen *ruhiyyah* dan *jasadiyyah* yang mantap berupaya melonjakkan kecemerlangan manusia.

Aspek *ruhiyyah* mengandungi elemen *al-akal*, *al-nafs* dan *al-qalb*. Menurut Asti Amelia dan Achmad Khudori Soleh (2023)<sup>9</sup>, *al-nafs* diertikan sebagai penggerak manusia ke arah kebaikan atau keburukan. *Al-akal* pula merupakan kemampuan berfikir yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia dan ia dapat digunakan untuk menapis nafs dalam pembuatan keputusan untuk berbuat baik atau buruk. *Al-Qalb* pula merupakan raja dalam diri manusia, jika iaanya rosak maka rosaklah segalanya dan jika iaanya baik maka baiklah manusia berkenaan.

Akal memberi panduan kepada *al-nafs* dan *al-qalb* kaedah pembersihan agar dapat menjelaskan tingkah laku atau akhlak yang baik. Menurut Imam al-Ghazali, tujuan pendidikan Islam adalah mengenai keimanan. Pengertian iman seterusnya diertikan sebagai pengucapan secara lisan iaitu menzahirkan dengan tutur kata dari apa yang terdapat dalam hati, membenarkan dalam hati dengan cara meyakini sepenuhnya tanpa ada keraguan dan diterjemahkan dengan perbuatan. Menurut Imam al-Ghazali lagi, akal adalah sumber ilmu pengetahuan seumpama buah dari pohon, sinar dari matahari dan penglihatan dari mata (Sumiarti Usman, Muhammad Hadi, Novizal Wendry, Meki Johendra, 2021).<sup>10</sup> Setiap waktu, manusia perlu berfikir dan bertindak mengikut keperluan semasa. Akhlak yang mulia terhasil dari kombinasi *al-akal*, *al-nafs* dan *al-qalb*. Dalam menjalani kehidupan seharian, setiap waktu yang dilalui memerlukan pembuatan keputusan dan pembuatan keputusan inilah yang menentukan akhlak seseorang sama ada perbuatan itu baik ataupun sebaliknya. Pembuatan keputusan yang tepat bermakna seseorang itu telah memaksimumkan kemampuan diri pada keadaan paling baik untuk membuat keputusan dan keadaan inilah yang membolehkan manusia mencapai potensi dan bakat yang ada pada diri.

<sup>7</sup> Alfurqan, Alfurqan, and Harmonedi Harmonedi. "Pandangan Islam Terhadap Manusia: Terminologi Manusia dan Konsep Fitrah serta Implikasinya dengan Pendidikan." *Jurnal Educative: Journal of Educational Studies* 2, no. 2 (2017): 129-144.

<sup>8</sup> Akib, Mohd Manawi Mohd, and Sharifah Basirah Syed Muhsin. "Perbahasan Potensi Jiwa Menurut Ibn Sina dan al-Ghazali: Discussion on the Potential of Soul According to Ibn Sina and al-Ghazali." *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 21, no. 1 (2019): 85-110.

<sup>9</sup> Amelia, Asti, Rika Dwi Indrawayanti, and Achmad Khudori Soleh. "Perbandingan Akal, Nafsu, dan Qalbu Dalam Tasawuf." *Raudhah Proud To Be Professionals: Jurnal Tarbiyah Islamiyah* 8, no. 1 (2023): 231-241.

<sup>10</sup> Sumiarti Usman, Muhammad Hadi, Novizal Wendry, Meki Johendra. Tujuan Pendidikan Islam Menurut Al Ghazali Ditinjau Dari Perspektif Hadis. *Jurnal Kajian Hadis dan Integrasi Ilmu* 1 No. (2 Januari-Juni 2021 M/1442 H), 148-161.

## Manusia dan potensi dari perspektif Islam

Manusia berkemampuan dan mempunyai kecenderungan untuk berkembang melalui anugerah yang disebut fitrah atau potensi (Alfurqan & Harmonedi, 2017)<sup>11</sup>. Dari pandangan Barat, banyak definisi tentang potensi yang telah dikemukakan. Silzer & Church (2010)<sup>12</sup> mentakrifkan potensi sebagai janji atau kemungkinan seseorang individu untuk mencapai sesuatu yang baru dari apa yang beliau ada pada masa kini. Menurut Myles Munroe (2005),<sup>13</sup> potensi adalah keupayaan tertanam, kuasa tersimpan, kekuatan yang belum diteroka, kejayaan yang belum digunakan, bakat terpendam dan kebolehan yang dihadkan. Munroe seterusnya menyatakan bahawa kita bertanggungjawab terhadap potensi yang ada dan perlu difahami dan digunakan sebaiknya.

Izzati, H. (2021)<sup>14</sup>, mengemukakan pandangan berkaitan potensi pembelajaran manusia dari perspektif neurosains dan Islam. Terdapat ayat-ayat Al-Quran menjelaskan tentang aktiviti fikiran dan otak sebagai alat pembelajaran. Aktiviti otak merupakan pusat kecerdasan manusia yang mengawal keseluruhan sistem deria dalam menguasai aktiviti pembelajaran dan berupaya untuk mencapai berbagai perkara yang memudahkan kehidupan manusia. Potensi pembelajaran manusia dari pespektif neurosains dijelaskan menerusi Firman Allah SWT:

وَنَفِيسٌ وَمَا سَوَّاهَا {7} فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا {8} قَدْ أَفْلَحَ مِنْ رَزْكَهَا {9}

Al-Syams 91: 7-9.

Terjemahan: Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya. Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwah. Sesungguhnya berjayaalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan).

Menurut Tafsir Al-Misbah (2006) yang dipetik oleh Izzati, H. (2021)<sup>15</sup>, ayat ini menjelaskan bahawa manusia yang diberi pilihan untuk melakukan kebaikan atau keburukan. Potensi memilih kebaikan dan keburukan ini membuktikan bahawa manusia mempunyai daya dan pilihan untuk mengembangkan potensinya dalam satu-satu pembuatan keputusan. Manusia mempunyai akal (*al-aql*) untuk mentadbir dan mengembangkan potensi disamping potensi lain seperti panca indera, hati (*al-qalb*), pendengaran (*al-sama'*) dan penglihatan (*al-basar*).

Selain itu, manusia turut memiliki potensi semulajadi iaitu keupayaan melihat, mendengar dan merasa serta menjadi lebih berilmu. Allah SWT berfirman:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

<sup>11</sup> Alfurqan, Alfurqan, and Harmonedi Harmonedi. "Pandangan Islam Terhadap Manusia: Terminologi Manusia dan Konsep Fitrah serta Implikasinya dengan Pendidikan." *Jurnal Educative: Journal of Educational Studies* 2, no. 2 (2017): 129-144.

<sup>12</sup> Silzer, Rob, and Allan H. Church. "Identifying and assessing high-potential talent." *Strategy-driven talent management: A leadership imperative* 28 (2010): 213-280.

<sup>13</sup> Munroe, Myles. *Understanding your potential: Discovering the hidden you.* (USA: Destiny Image Publishers, 2011), 66.

<sup>14</sup> Izzati, H. "Potensi Pembelajaran Manusia: Perspektif Neurosains Dan Islam. *JOURNAL OF ALIFBATA: Journal of Basic Education (JBE)*, 1 (1) (2021), 64-77.

<sup>15</sup> Ibid.

Al-Nahl 16:78

Terjemahan : Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur.

Menurut Tafsir Hamka (2020)<sup>16</sup>, ayat ini menerangkan keadaan kita selepas dilahirkan, dapat merasai anugerah Allah SWT yang dinamakan *garizah* atau naluri iaitu tingkahlaku menangis apabila sejuk, sewaktu lapar atau apabila berasa panas. Secara beransur-ansur manusia dapat mendengar, menambahkan penglihatan diikuti dengan perkembangan hati iaitu perasaan dan fikiran. Seterusnya menjadi dewasa, matang, memikul amanah dan mempergunakan nikmat-nikmat Allah SWT dengan sebaik-baiknya. Potensi yang diberikan Allah SWT ini membolehkan manusia menimba ilmu, membuat pertimbangan dan membuat keputusan. Manusia beriman menggunakan potensi untuk menjalankan tanggungjawab mengbadikan diri kepada Allah SWT, melaksanakan amanah dan mentadbir muka bumi ini selaras dengan fitrah kejadian manusia. Rasulullah SAW menyebut tentang fitrah kejadian manusia dan peranan ibu bapa dalam usaha membesarkan dan menentukan corak didikan terhadap anak-anak. Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَلَيَرَأُمُّهُ يُهَوِّدُهُ أَوْ يُصَرِّحَنُهُ أَوْ يُجْسِنَهُ

Terjemahan: Setiap anak dilahirkan di atas fitrahnya, maka kedua orang tuanya menjadikan dirinya beragama Yahudi, atau Nasrani, atau Majusi<sup>17</sup>.

Menurut Miftah Syarif (2017)<sup>18</sup>, potensi (fitrah) diertikan sebagai *al-aql*, *al-qalb* dan juga *al-nafs* yang diciptakan bersama dengan kejadian manusia. Potensi manusia ini boleh dibangunkan dengan pendidikan dan kemahiran berlandaskan wahyu kepada para rasul bagi manusia menggunakan mengikut garis panduan wahyu bagi mencapai matlamat peranan sebagai khalifah. Manusia dapat mencapai martabat dirinya sebagai makhluk Allah SWT yang tinggi dengan panduan wahyu.

Menurut Sri Syafa'ati & Hidayatul Muamanah (2020),<sup>19</sup> pendidikan berperanan untuk mengembangkan kecerdasan, dan rangkuman kecerdasan ini termasuk kecerdasan pelbagai *multiple intelligence*, kecerdasan emosional, sosial dan spiritual demi kesejahteraan bermasyarakat. Manusia mencapai kemajuan dalam kehidupan dan seterusnya membawa kesejahteraan dalam hidup menerusi pendidikan. Kecerdasan yang diperolehi melalui pendidikan membolehkan manusia memenuhi keperluan rohani dan jasmani diri. Syed Muhammad Naquib

---

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Riwayat Al-Bukhari: 1385, Wan Ahmad Naqiuuddin. Al-Afkar #133: Adakah Fitrah Ialah Agama Islam Itu Sendiri? <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/5495-al-afkar-133-adakah-fitrah-ialah-agama-islam-itu-sendiri>, 3 Januari 2023.

<sup>18</sup> Miftah, Syarif. "Hakekat Manusia dan Implikasinya Pada Pendidikan Islam." *Jurnal Al-Thariqah* 2, no. 2 (2017), 135-147.

<sup>19</sup> Syafa'ati, Sri, and Hidayatul Muamanah. "Konsep Pendidikan Menurut Muhammad Naquib Al-Attas Dan Relevansinya Dengan Sistem Pendidikan Nasional." *Palapa* 8, no. 2 (2020): 285-301..

Al Attas mengaitkannya dengan epistemologi dan adab dalam perbincangan mengenai kecerdasan manusia<sup>20</sup>.

### Bakat dan Budaya

Budaya ditakrifkan sebagai perkembangan kecerdasan manusia, kemajuan intelek manusia, cara hidup sesuatu masyarakat, peradaban dan cara berfikir<sup>21</sup>. Perbuatan yang berulang dan biasa dilakukan bila diterima umum secara meluas menjadi budaya.<sup>22</sup> Perbuatan berulang yang sesuai dengan nilai Islam dan dilakukan sebagai satu kebiasaan disebut budaya Islamik. Apabila ia berakar umbi dalam masyarakat, ia akan menjadi budaya Islam. Perubahan, sejarah dan budaya perlu diambil kira agar perubahan yang dilakukan itu mampu untuk bertahan sebagai budaya baharu yang kekal<sup>23</sup>. E.B. Taylor dalam Che Haslina Abdullah (2013),<sup>24</sup> menyamakan istilah tamadun dengan budaya, sebagai sesuatu yang merangkumi aspek keilmuan, kepercayaan, kesenian, nilai-nilai moral, perundangan, tradisi, bakat dan kebolehan yang dihasilkan oleh masyarakat. Mengambil kira pertimbangan dan penggunaan faktor budaya dalam kehidupan, boleh membantu sesuatu matlamat itu, dicapai dengan lebih efektif. Sebagai contoh, dalam usaha mendidik pelajar, para guru disarankan agar keadilan diberikan kepada murid tanpa mengira kedudukan, pangkat, budaya, etnik dan juga bahasa seperti yang disarankan oleh Ibn Sahnun (Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin dan Abdul Muhsein Sulaiman, 2023).<sup>25</sup>

Perbincangan tentang potensi dalam Islam banyak dibincangkan, namun kurang perbincangan yang dibuat secara khusus tentang bakat. Taha Jabir Fayyad al-Alwani (2023),<sup>26</sup> mengemukakan pandangan berkenaan bakat manusia iaitu Allah SWT memberi hikmah manusia mempunyai bakat dan perbezaan masing-masing, sama ada daripada sifat semulajadi atau daripada kemahiran yang dipelajari, dan tiap-tiap sesuatu telah dipermudahkan mengikut kejadianya. Situasi ini menzhirkan kewujudan manusia yang berbeza-beza dan juga menzhirkan perbezaan darjah dalam kalangan orang-orang mukmin. Pandangan Taha Jabir Fayyad al-Alwani ini selaras dengan Teori Perbezaan Gagne yang diperkenalkan pada tahun 1985 berkaitan perbezaan antara pintar cerdas dengan bakat (Sapora Sipon, Siti Khadijah, Mohd Nasrah, 2021).<sup>27</sup>

Bakat seperti juga potensi, mempunyai berbagai definisi yang diberikan. Bakat menurut Thorne dan Pellant (2007),<sup>28</sup> adalah individu yang mempunyai keupayaan melebihi daripada

<sup>20</sup> Abd Wahab, Mastura Haji, and Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. "Konsep Agama, Islam, Ilmu Dan Akhlak Oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dalam Islam: Faham Agama Dan Asas Akhlak." *Ulum Islamiyyah* 33, no. 2 (2021): 145-154.

<sup>21</sup> Kamus Dewan edisi keempat. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013).

<sup>22</sup> Md Saleh Hj. Md. @ Ahmad, Abd. Karim Ali, Mohd Ridzwan Ahmad & Ahmad & Mohamad Zaidi Abd. Rahman. *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.

<sup>23</sup> Muda, Radhiah, Hidayah Mohd Fadzil, and Ahmad Zabidi Abd Razak. "Perkembangan Pendidikan Stem: Persepsi Semasa Pemimpin Sekolah Sebagai Pemimpin Stem." *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 10, no. 4 (2023): 56-75.

<sup>24</sup> IsLAM, PsIKOLOGI. "Pembinaan Tamadun Islam Seimbang Melalui." *Jurnal Hadhari* 5, no. 1 (2013): 199-213.

<sup>25</sup> Zurina Mustafa, Zaharah Hussin dan Abdul Muhsien Sulaiman. *Pedagogi Terbeza dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran, Teori dan Applikasi*. (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2023), 76.

<sup>26</sup> Taha Jabir Fayyad al-Alwani. *Adab Perbezaan Pendapat dalam Islam*. (Kuala Lumpur: JAKIM dan ABIM, 2023), 56.

<sup>27</sup> Sapora Sipon, Siti Khadijah, Mohd Nasrah. *Kanak-kanak Pintar Cerdas, Teori, Pembelajaran dan Kaunseling*. (Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2021), 33-36.

<sup>28</sup> Thorne, K. & A. Pellant , The Essential Guide To Managing Talent: Hot Top Companies Recruit, Train, & Am; Retain The Best Employees, Kogan Page,

orang lain dan tidak memerlukan usaha yang banyak untuk menggunakannya. Gagné, (2009),<sup>29</sup> memberi takrifan bakat sebagai keupayaan luar biasa yang dibangunkan secara sistematik dan dipanggil sebagai kecekapan kompetensi iaitu kedudukan yang meletakkan seseorang itu 10% teratas dalam sesuatu bidang dalam kalangan rakan sebaya. Kepelbagaiannya konsep dan tafsiran oleh pakar dalam bidang pintar dan berbakat membawa kepada penjelasan bahawa ia berbeza menurut kesesuaian sosio-budaya sesebuah komuniti dan definisinya masih belum dipersetujui sebulat suara (Abu Yazid, Noriah, 2019).<sup>30</sup>

### Potensi dan Bakat

Al-Furqan dan Harmonedi (2017)<sup>31</sup> menyatakan fitrah sebagai potensi, yang bersifat anjal dan memerlukan faktor persekitaran untuk ia berfungsi aktif. Dari perspektif Barat, potensi adalah kemungkinan untuk mencapai sesuatu yang baharu (Silzer & Church, 2010)<sup>32</sup> dan keupayaan yang terpendam dan belum digunakan sebaiknya (Myles Munroe, 2005).<sup>33</sup> Izzati H (2021)<sup>34</sup> dalam huraiannya pada terjemahan *Tafsir Al-Misbah* bagi surah al-Syams ayat 7-9 menyatakan bahawa potensi manusia boleh berkembang iaitu akal, hati, pendengaran dan penglihatan. Miftah Syarif (2017)<sup>35</sup> seperti pada perbincangan awal berpendapat potensi (fitrah) diertikan sebagai akal, qalbu dan nafs.

Realiti menunjukkan pelbagai isu dan permasalahan pada hari ini berlaku dalam masyarakat dan negara ekoran kelemahan keupayaan atau potensi yang ada pada individu sama ada berpunca dari kelemahan spiritual maupun fizikal. Manusia perlu mengenali hakikat dirinya untuk mereka sedar dan tahu sejauh mana keupayaan yang dimiliki agar berupaya bertindak pada landasan dan tindakan yang betul sejajar dengan tujuan penciptaan manusia<sup>36</sup>. Kebergantungan kepada pencipta adalah sumber kekuatan manusia. Bertaqarrub dengan Allah SWT adalah sumber kekuatan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dan jika diperhatikan cara dan kaedah belajar bagi pelajar yang cemerlang dalam setiap peperiksaan, kita dapatkan hubungan mereka dengan Allah SWT sentiasa dijalankan sama ada sebelum atau sesudah mengulang kaji pelajaran<sup>37</sup>. Kebergantungan kita dengan Allah melibatkan aspek jiwa dan jasad. Apabila kita bersolat jasad kita bergerak mengikut rukun solat dan jiwa kita pula menghayati pembacaan dalam pelaksanaan rukun-rukun solat dengan khusyuk. Apabila kita membaca quran dan berzikir, Allah dekat dengan kita. Allah SWT berfirman bahawa Allah dekat dengan seseorang jika sentiasa mengingati-Nya, seperti Firman Allah SWT:

---

<https://books.google.fr/books?hl=en&lr=&id=O7h8tyKljVYC&oi=fnd&pg=PR8&dq=.+The+essential+guide+to+managing+talent:+How+top+companies+recruit,+train,+%26+retain+the+best+employees&ots=WIMUkgPDyh&sig=kb7JmlljwPTIXYW73G5pALOp9mM#v=onepage&q=.%20The%20essen> (dilayari pada 14 May 2022), 2007.

<sup>29</sup> Gagné, Françoys. "Building gifts into talents: Detailed overview of the DMGT 2.0." *Leading change in gifted education: The festschrift of Dr. Joyce VanTassel-Baska* (2009): 61-80.

<sup>30</sup> Abu Yazid & Noriah Abu Bakar. *Kaunseling Dalam Pendidikan Pintar Dan Berbakat Di Malaysia*. UKM, Bangi, 2019.

<sup>31</sup> Gagné, Françoys. "Building gifts into talents, 63-64.

<sup>32</sup> *Ibid.*, 65.

<sup>33</sup> *Ibid.*, 66.

<sup>34</sup> *Ibid.*, 66-68.

<sup>35</sup> *Ibid.*, 77-79.

<sup>36</sup> Yasin Md Rafangi @ Md Rafee, Mohd Radhi Ibrahim, Mohd Rosmizi Abd Rahman. *The Nature Of Man According To Ibnu Sina*. E-Proceedings Of The International Conference On Aqidah, Religions And Social Sciences (SIGMA10). <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/17086>, 2020.

<sup>37</sup> Mohd Shukri Hanapi. Taqarrub Kepada Allah Rahsia Kejayaan. *Harian Metro*.(2023). <https://www.hmetro.com.my/addin/2023/08/997137/taqarrub-kepada-allah-rahsia-kejayaan>.

فَإِذْ كُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَأَشْكُرْوَلِي وَلَا تَكُفُّرُونِ

Surah Al-Baqarah 2:152

Terjemahan: Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu, supaya Aku membala kami dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu)

Aspek jiwa atau spiritual penting untuk kekuatan diri. Jika kekuatan diri digunakan dengan betul dan sebaiknya, kita berupaya menjadi kuat. Seorang tokoh ahli psikologi Amerika, William James mengakui aspek spiritual yang tidak diberi perhatian dan kekurangan kebergantungan kepada Tuhan adalah faktor dominan yang membuatkan manusia menjadi lemah (Mohd Manawi Mohd Akib, Hamdi Ishak, Ahmad Fakhruzzai Mohammed Zabidi, 2023)<sup>38</sup>. Kelemahan ini seterusnya membawa kepada kegagalan kita untuk mencapai potensi dan bakat diri dengan sepenuhnya. Dari pernyataan ini, boleh kita simpulkan bahwa antara faktor yang menyebabkan gagalnya kita mencapai tahap potensi atau bakat sebenar adalah kerana kita tidak mengetahui potensi yang ada pada kita, kerana kita tidak mengenali keupayaan sendiri.

Kejayaan paling besar potensi jiwa (spiritual) kita adalah kebahagiaan di akhirat. Kebahagian di akhirat ini diperolehi hasil dari kenikmatan potensi akal atau rohani yang digunakan dengan tepat dan sesuai bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dan mengiringi kita untuk bertakwa kepada Allah SWT dan menjadikannya berakhhlak mulia.<sup>39</sup> Manusia diberikan Allah SWT dengan pancaindera sebagai salah satu nikmat anugerah untuk disyukuri. Dengan adanya mata manusia dapat melihat dan membaca, adanya telinga membolehkan manusia mendengar dan mencerap ilmu. Selain dari itu, Allah turut mengurniakan potensi akal yang membolehkan kita mengembangkan potensi, dan juga hati (qalb). Dengan bantuan potensi inilah manusia mampu memaksimakan potensi akal (aql) untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan teknologi (Izzati, H. 2021). Tanpa akal, manusia tidak mampu untuk berfikir tentang kebenaran dan tidak mampu memainkan peranan sebagai manusia.

Allah SWT menyukai dalam kalangan hamba-hambaNya yang kuat berbanding yang lemah. Sifat kuat tersebut merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia yang boleh membawa kepada meninggikan syiar agama itu sendiri. Antaranya ialah,kekayaan individu muslim. Kekayaan yang dimiliki oleh seorang muslim akan menjadikan mereka mempunyai kekuatan serta kemampuan dari sudut ekonomi dalam memartabatkan agama Islam. Ini termasuk dalam perkara-perkara yang disukai oleh Allah SWT<sup>40</sup>. Memiliki tubuh badan yang sihat adalah satu sunnah dan tuntutan di dalam agama. Umat Islam amat disarankan untuk membuat aktiviti fizikal agar badan sihat dan cergas. Ibu Majah meriwayatkan satu hadith tentang seorang mukmin yang lebih kuat akan lebih dicintai oleh Allah SWT dari mukmin yang lemah. Dari Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

<sup>38</sup> Akib, Mohd Manawi Mohd, Hamdi Ishak, Ahmad Fakhruzzai Mohammed Zabidi, and Sharifah Basirah Syed Muhsin. "Penciptaan Jiwa dari Sudut Ilmu Tafsir dan Falsafah Islam: Tumpuan Terhadap Pemikiran Fakhr al-Din al-Razi" *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 25, no. 1 (2023): 231-252.

<sup>39</sup> Yasin Md Rafangi @ Md Rafee, Mohd Radhi Ibrahim, Mohd Rosmizi Abd Rahman. The Nature Of Man According To Ibnu Sina. E-Proceedings Of The International Conference on Aqidah, Religions And Social Sciences (SIGMA10). <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/17086>, 2020.

<sup>40</sup> Abd Majid, Mariam, Abur Hamdi Usman, Nurzatil Ismah Azizan, Noor Hafizah Mohd Haridi, Noraini Mohamad, Zainab Ismail, and Aisyah Humairak Abdul Rahman. "Pembangunan Jati Diri Insan Menurut Perspektif Hadis." *HADIS* 13, no. 26 (2023): 38-50.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ يَبْلُغُ بِهِ السَّيِّدُ ﷺ قَالَ الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الْصَّعِيفِ وَفِي كُلِّ خَيْرٍ أَحْرِضَ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَلَا تَعْجِزْ فَإِنْ عَلَبَكَ أَمْرٌ فَقُلْ قَدْرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ وَإِيَّاكَ وَاللَّهُ فَإِنَّ اللَّهَ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Terjemahannya: Seorang mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada seorang mukmin yang lemah, dan dalam masing-masing keduanya itu terdapat kebaikan. Bersungguh sungguhlah terhadap sesuatu yang bermanfaat bagimu dan jangan lemah semangat. Jika suatu perkara mengalahkanmu maka katakanlah, ‘Ketentuan Allah telah ditetapkan, dan suatu yang telah Dia kehendaki maka akan terjadi. Dan jauhilah olehmu dari ucapan ‘Seandainya’, kerana sesungguhnya ungkapan ‘Seandainya’ membuka peluang masuknya syaitan.<sup>41</sup>

Umat Islam amat disarankan agar mempunyai kekuatan fizikal yang kuat kerana faedah yang diperoleh dari kekuatan ini amat banyak (Muhammad Musfique, 2016). Jasmani yang sihat merupakan satu keperluan dalam hidup manusia. Kekuatan fizikal penting untuk tertegaknya agama, peradaban dan pegembangan syiar serta nilai-nilai Islam

Persoalannya adalah, apakah ukuran kejayaan kepada manusia? Manusia yang berjaya boleh dilihat dari berbagai perspektif. Menurut Mohd Shahrizal Nasir (2023),<sup>42</sup> antara golongan yang memperolehi kejayaan terbesar nanti adalah golongan yang beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, dan memperoleh ganjaran surga oleh-Nya Allah SWT nanti.

Ini sejajar dengan tuntutan Islam kepada semua manusia agar menunjukkan kekuatan dan kecemerlangan . Firman Allah SWT:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ الْسَّبِيلِ فَرِيقَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Surah al-Taubah 9:60

Terjemahan: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

<sup>41</sup> HR Ibnu Majah No: 4158

<sup>42</sup> Mohd Shahrizal Nasir. Menggapai Kejayaan Hakiki. (31 Januari 2022)

<https://www.hmetro.com.my/addin/2022/01/805560/menggapai-kejayaan-hakiki>

## Pengaruh Budaya Dalam Pembangunan Bakat Manusia Menurut Perspektif Islam

Budaya adalah salah satu faktor yang dominan mempengaruhi pembangunan bakat manusia. Aspek budaya merangkumi penguasaan bahasa, pembangunan identiti sosial, pemahaman tuntutan masyarakat dan keupayaan menyumbang kepada perkembangan sesebuah komuniti (Martin J. Packer & Michael Cole, 2020). Menurut Kamus Dewan (1991),<sup>43</sup> budaya ditakrifkan sebagai tamadun, peradaban, kemajuan fikiran, akal budi, cara berfikir dan cara kelakuan. Budaya sekolah juga mempunyai peranan tersendiri dalam menentukan kejayaan pelajar. Budaya sekolah merangkumi tingkah laku pelajar di sekolah, latarbelakang dan kejayaan, pakaian seragam dan aktiviti sosial mempunyai kesan terhadap pencapaian pelajar dari segi motivasi untuk belajar, perasaan untuk bersaing dan juga pembangunan diri (Bayar & Karaduman, 2021)<sup>44</sup>.

Kecerdasan tidak dapat sepenuhnya dapat difahami di luar konteks budayanya. Tingkah laku yang dianggap pintar dalam satu budaya boleh dianggap tidak pintar dalam budaya lain, dan sebaliknya. Selain itu, orang dalam budaya yang berbeza mempunyai teori kecerdasan tersirat (rakyat) yang berbeza, jadi mungkin tidak bermaksud perkara yang sama dengan perkataan itu. Hubungan antara aspek kecerdasan yang berbeza boleh berbeza-beza merentas budaya, dengan korelasi yang positif dalam satu persekitaran terbukti negatif dalam persekitaran yang lain. Perbezaan antara konsep kecerdasan timur dan barat mungkin berterusan walaupun pada hari ini.

Budaya dan tingkah laku manusia saling berkait rapat. Kajian di Portugal oleh José António Porfírio a, José Augusto Felício b, Tiago Carrilho a, Jacinto Jardim, (2023),<sup>45</sup> mendapati budaya sesebuah negara mempengaruhi budaya keusahawanan penduduk pada usia muda. Budaya membentuk *arketip archetype* atau ikutan tentang apa makna keusahawanan dan bagaimana ia mempengaruhi mereka di usia muda. Perkara sama turut di kongsi dalam satu kajian keusahawanan di Malaysia yang menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan penting untuk disemarakkan pada peringkat awal dalam sistem pendidikan<sup>46</sup>.

Tidak dinafikan, persekitaran berperanan besar dalam pembentukan peribadi pelajar dan pencapaian potensi mereka. Suasana persekitaran pembelajaran mempunyai hubungkait yang positif dengan kesedaran kendiri pelajar. Persekitaran pembelajaran pula mempunyai mempunyai kesan positif dan ketara pada budaya pembelajaran. Budaya pembelajaran mempunyai kesan positif terhadap kesedaran kendiri pelajar dan persekitaran pembelajaran mempunyai kesan positif dan ketara kepada kesedaran kendiri melalui budaya akademik. Abraham Maslow mengemukakan Teori Keperluan Maslow(1943)<sup>47</sup> dengan memperkenalkan konsep kesedaran kendiri (*self-actualization*) iaitu mencapai potensi diri yang bermakna kepada seseorang. Bagi Maslow, manusia dilahirkan dengan mempunyai kuasa dalaman untuk menghasilkan potensi diri maksimum yang dikenali sebagai kesedaran kendiri (*self-actualization*).

<sup>43</sup> Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan Kedua (Edisi Baru), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

<sup>44</sup> Bayar, A., & Karaduman, H. A. The Effects of School Culture on Students Academic Achievements. *Shanlax International Journal of Education*, 9(3).(2021). <https://doi.org/10.34293/education.v9i3.3885>.

<sup>45</sup> Porfírio, José António, José Augusto Felício, Tiago Carrilho, and Jacinto Jardim. "Promoting entrepreneurial intentions from adolescence: The influence of entrepreneurial culture and education." *Journal of Business Research* 156 (2023): 113521.

<sup>46</sup> Kamaruddin, Mohd, N. Faizah, M. Lajin, S. Z. Buyong, and A. A. Bakri. "Entrepreneurship education in Malaysia: a critical review." *Journal of Technology Management and Business* 2, no. 02 (2015): 1-11.

<sup>47</sup> Saul Mcleod. Maslow's Hierarchy of Needs. <http://www.simplypsychology.org/maslow.html>. Accessed December 2013, (2024).

Untuk mencapai kesedaran kendiri, perlu melalui beberapa tahap. Ia bermula daripada tahap asas iaitu keperluan fisiologi diikuti oleh keperluan keselamatan seterusnya kepada keperluan sosial kemudian meningkat kepada keperluan penghormatan dan akhirnya tahap mencapai kesempurnaan kendiri atau kesedaran kendiri. Pelajar yang mempunyai kesedaran kendiri yang tinggi akan bermotivasi untuk belajar dan tidak terlibat dengan tingkah laku tidak berdisiplin seperti mencuri, bergaduh, melepak, vandalisme, terlibat dengan dadah, maksiat dan sebagainya lagi.

Menurut Nor Nazimi, Jaffary dan Aminudin (2017)<sup>48</sup>, sarjana muslim mentakrifkan kesedaran kendiri kesedaran diri manusia terhadap hakikat diri dan tujuan hidupnya iaitu manusia yang telah kembali kepada fitrah dirinya dengan mengakui keesaan Allah sebagai pencipta yang tunggal. Berdasarkan takrif ini, mereka yang mempunyai kesedaran kendiri akan mampu mengembangkan potensi dirinya terutamamnya dalam pembangunan spiritualnya. Kuasa dalaman positif yang dimiliki seseorang pelajar dapat dibangunkan dan membentuk tingkah laku yang baik dalam kalangan pelajar. Aspek kesedaran kendiri merupakan kebolehan individu untuk mempunyai kebolehan emosi diri, membuat penilaian tepat dan mempunyai keyakinan diri. Individu yang mempunyai kesedaran kendiri boleh membuat penilaian yang tepat dan mempunyai keyakinan yang sangat tinggi. Selain itu, kesedaran kendiri boleh diertikan keadaan seseorang mempunyai pengetahuan mengenai kesedaran, kefahaman mengenai dirinya, persekitarannya dan Penciptanya. Dalam mencapai matlamat pendidikan iaitu melahirkan pelajar sedar kendiri, antara aspek penting yang di beri penekanan ialah potensi rohani pelajar yang merangkumi menyedari dan menginsafi adanya Pencipta, menghargai dan mensyukuri pemberian pencipta, menyedari dan menginsafi tanggungjawab, memupuk dan membina disiplin kendiri. dan Musliha Salma Mohd Radzi, Rohana Hamzah & Amimudin Udin / Journal of Edupres 226 membentuk akhlak mulia (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Berdasarkan kajian lepas faktor budaya jelas memainkan peranan yang penting kepada kejayaan di bidang pendidikan dan juga kehidupan seseorang pelajar (Elsbeth Court, 1989)<sup>49</sup>, (Rizky Wardhani, 2017).<sup>50</sup> *Helicopter parenting* adalah satu contoh bagaimana budaya mempengaruhi pendidikan pelajar. Budaya *Helicopter parenting*, adalah suatu amalan dimana seseorang anak tidak mempunyai banyak pilihan selain dari menuruti kehendak ibubapanya. Terdapat satu penulisan berkenaan budaya ini dikalangan masyarakat Korea Amerika yang mengamalkan prinsit ketaatan penuh kepada ibubapa berdasarkan budaya *Konfusius filial piety* (Kyong-Ah Kwon, Jennie De Gagne, Gyesook Yoon, 2017). Dalam budaya ini, ibubapa berkuasa penuh dalam menentukan perihal kehidupan anak mereka termasuk pendidikan. Budaya ini terbukti mempunyai kesan positif dari segi sokongan emosi, panduan, dan kejayaan pencapaian pelajaran dan kerjaya pelajar. Namun kesan sebaliknya tetap ada yang mana pelajar merasakan diri terkongkong, kurang kebebasan serta tertekan.

Dari sudut sains, teknologi pengimejan otak telah mendedahkan bagaimana aspek pendidikan memberi perubahan kepada otak manusia. Ansari, D. (2012)<sup>51</sup>, menerangkan bahawa penyelidikan dalam bidang *neuronal plasticity*, menunjukkan bagaimana berlakunya perubahan

<sup>48</sup> Mustaffa, Nor Nazimi Mohd, and Jaffary Awang. "Teori Maslow dan kaitannya dengan kehidupan Muslim." *Jurnal Hadhari* 9, no. 2 (2017): 275-285.

<sup>49</sup> COURT, ELSBETH. "Drawing on culture: the influence of culture on children's drawing performance in rural Kenya." *Journal of Art & Design Education* 8, no. 1 (1989): 65-88.

<sup>50</sup> Rizky Wardhani, Latar Belakang Budaya Dan Pendidikan Pada Gaya Belajar Mahasiswa Prodi Mandarin Fakultas Bahasa dan Seni Universitas Negeri Jakarta. Laporan Publikasi Ilmiah 2017. <https://fbs.unj.ac.id/mandarin/?p=488>,

<sup>51</sup> Ansari, D. Culture And Education: New Frontiers In Brain Plasticity. *Trends In Cognitive Sciences*, 16(2), (2012): 93-95.

kepada otak selari dengan pengalaman. Ini merupakan satu keadaan dimana perubahan kepada otak manusia boleh dibentuk untuk mendapatkan ilmu pengetahuan melalui pendidikan dan juga pengalaman. Menurut Ansari, D. (2012)<sup>52</sup> lagi, kajian silang *cross-cultural* psikologi dan atropologi telah menunjukkan bahawa fungsi kognitif manusia berbeza dengan jelas dalam lintang budaya atau dalam budaya yang berlainan. Pendidikan formal dan tidak formal membawa perubahan di dalam fungsi sosial dan kognitif manusia dan perubahan ini berbeza dalam konteks dan budaya yang berlainan. Budaya boleh membentuk prasarana pedagogi dan pendidikan dan selari dengan itu, pendidikan merupakan wadah utama bagaimana budaya sedia ada mengajar individu untuk menerima norma dan nilai budaya masyarakat di mana individu berkenaan tinggal. Ini membuktikan bahawa budaya dan pendidikan saling berkait dan manusia sememangnya dipengaruhi oleh persekitaran dan keupayaan manusia dan potensi mereka sudah tentu dipengaruhi oleh keadaan sekeliling. Terdapat hubungan yang erat dalam hubungan dalam strategi penggunaan pendidikan yang berdasarkan budaya yang digunakan oleh guru dan sekolah dengan hasil pendidikan pelajar. Pendidikan berdasarkan budaya memberi kesan positif kepada kesejahteraan sosio-emosi pelajar, yang membawa kepada kesan positif pencapaian matematik dan ujian membaca terutamanya kepada pelajar yang mempunyai perkembangan sosio-emosi yang rendah<sup>53</sup>.

Menurut Abdullah Nasih Ulwan dalam Siti Nurjanah, Muhammad Talhah, & Ajmain Safar (2019),<sup>54</sup> terdapat lima kaedah pendidikan dan tujuh elemen penting yang perlu diterapkan dalam pendidikan anak-anak menurut perspektif Islam. Lima kaedah pendidikan anak-anak yang perlu diterapkan ialah adat kebiasaan, nasihat dan bimbingan, contoh dan tauladan, denda dan hukuman, pemerhatian dan pengawasan. Terdapat tujuh elemen dalam pelaksanaan sementara bagi elemen pendidikan pula, ianya terdiri dari pendidikan keimanan, pendidikan moral, pendidikan jasmani, pendidikan mental, pendidikan psikologi, pendidikan sosial dan pendidikan seks.

Abdullah Nasih Ulwan memberikan gambaran jelas bahawa kelima-lima kaedah pendidikan yang dinyatakan ini, perlu menjadi satu amalan untuk membentuk satu kebiasaan yang diamalkan dan jika ianya diterima umum, ia akan menjadi satu budaya. Justru, dapat simpulkan jika sesebuah keluarga mengamalkan kaedah pendidikan yang disarankan oleh Abdullah Nasih Ulwan, ianya akan menjadi satu budaya dan membuktikan bahawa budaya berkenaan menyumbang kepada amalan pendidikan. Di dalam sebuah kajian oleh Khalifatul Ulya (2020), pelaksanaan kaedah pembiasaan dengan menjadikan unsur-unsur positif telah menunjukkan hasil juga positif.

Sikap ibu bapa turut mempengaruhi prestasi pencapaian pendidikan anak-anak (Afizi, W., Hanafi, W., Ahmad, S., & Ali, N. (2017). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan (Cultural and environmental factors in the educational performance of Malaysian aboriginal children: A Kelantan case study). *Geografi - Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 107–122). Perkahwinan dalam Islam bertujuan mengembangkan zuriat, meramaikan umat dan juga untuk memperoleh ketenangan.

<sup>52</sup> Ansari, D. Culture And Education: New Frontiers In Brain Plasticity, 94.

<sup>53</sup> Kana'iaupuni Kana'iaupuni, S., Ledward, B., & Jensen, U. Culture-Based Education and Its Relationship to Student Outcomes. *Education*, 12, (2010): 1–30.

<sup>54</sup> Siti Nurjanah, Muhammad Talhah, & Ajmain Safar. Pendidikan Anak-Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan. *Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor*, (2019): 1–14. <https://www.researchgate.net/publication/341252351>.

Hukum syarak atau perundangan Islam terjelma dari *maqasid al-shariah* iaitu mewujudkan kebaikan dan manfaat serta menolak keburukan dan kemudaratan. Islam sangat menekankan penjagaan keturunan dan seseorang anak yang dilahirkan mesti mempunyai ibu dan bapa yang sah dari segi undang-undang Islam (Siti Shamsiah binti Md Supit, 2017). Allah berfirman dalam Surah al-Isra' ayat ke 32 agar manusia tidak menghampiri zina kerana ianya keji dan membawa kerosakan.

وَلَا تَقْرُبُوا الرِّبَّةَ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا

Terjemahan : Dan janganlah kamu mengampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

Ayat Al-quran di atas menjelaskan kepentingan untuk menjaga zuriat keturunan dengan turunnya larangan perbuatan zina demi untuk menjaga keturunan. Hadith Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تُنْكِحُ الْمَرْأَةَ لَأَرْبَعٍ: لِمَالِهَا، وَلِحُسْنِهَا، وَلِحُمَّامِهَا، وَلِدِينِهَا، فَإِذْفَرْ بَدَائِتِ الدِّينِ تَرِبْتِ يَدَكَ

Terjemahan: "Seorang perempuan itu dinikahi kerana empat perkara; kerana hartanya, keturunannya, kerana kecantikannya, dan kerana agamanya, Maka hendaklah engkau mengutamakan (memastikan) agamanya (yakni yang baik keislamannya) nescaya engkau beruntung." (Sahih Al-Bukhari, no.5090. Muslim, no. 1466).

Hadith ini menerangkan kepentingan aspek penjagaan keturunan dengan meletakkan kriteria pemilihan pasangan hidup dalam aspek harta, kecantikan, keturunan dan agama. Kriteria ini memberikan panduan bahawa mengekalkan budaya kekeluargaan mengikut panduan Islam dalam memilih pasangan dari segi keturunan dan agama akan memelihara kita dari segi salasilah untuk memperolehi warisan yang baik dan bakat dan potensi anak-anak dapat dijaga disamping tanggunjawab kita untuk memberi pendidikan dan mematuhi lain-lain syariat agama Islam.

Rakan yang melingkungi turut mempengaruhi seseorang manusia. Islam menganjurkan untuk sentiasa mendekati orang-orang yang soleh atau alim agar sifat atau perkara yang ada pada diri individu. Kepentingan ini dijelaskan dalam hadith:

مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالسَّوْءِ، كَحَامِلِ الْمِسْنَكِ وَفِحْ الْكِبِيرِ، فَحَامِلِ الْمِسْنَكِ: إِمَّا أَنْ يُخْذِلَكَ، وَإِمَّا أَنْ تُبَتَّاعَ مِنْهُ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً، وَفِحْ الْكِبِيرِ: إِمَّا أَنْ يُخْرِقَ ثِيَابَكَ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ رِيحًا حَبِيبَةً

Terjemahan: "Perumpamaan teman yang baik dan teman yang buruk adalah seperti seorang penjual minyak wangi dan seorang tukang besi. Adapun, penjual minyak wangi akan memberi kamu (minyak wangi tersebut), atau kamu membeli daripadanya, atau kamu mendapat bau yang harum daripadanya. Sedangkan tukang besi pula, akan membakar bajumu dan juga kamu mendapatkan bau yang busuk." [Riwayat al-Bukhari (5534) dan Muslim (2628)]

Hadith ini menunjukkan kepada kita bahawa Nabi SAW membuat perumpamaan teman atau kawan yang baik ini seperti seorang penjual wangi kerana manfaat yang diperolehi apabila berdampingan dengannya. Selain itu juga, hadith ini menunjukkan kepada kita kelebihan duduk

bersama orang yang soleh, orang yang baik, orang yang menjaga maruah, orang yang mulia akhlaknya, orang yang warak, ahli ilmu, orang yang beradab di samping larangan duduk bersama orang yang tidak baik, ahli bid'ah, orang yang dibenci masyarakat atau yang melakukan maksiat, malas beramal dan sebagainya yang termasuk di dalam perkara-perkara yang dicela.

Rakan sebaya atau sahabat yang melingkungi seseorang yang sedang meningkat dewasa turut mempengaruhi pembangunan diri individu. Menurut Sharifah (1983) rakan sebaya memainkan peranan dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid. Mereka akan sentiasa meniru dan mengikuti segala gerak geri dan tingkah laku rakan sebaya. Kajian Quek (2006) juga mendapati rakan sebaya mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik. Justeru itu, berdasarkan kepada ayat al-Quran dan hadith yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan faktor budaya yang melingkungi diri dan persekitaran individu mempengaruhi pembangunan bakat seseorang manusia.

### Kesimpulan

Manusia diciptakan mempunyai keupayaan dan potensi yang berbeza di antara satu sama lain. Allah telah memberikan kebebasan dan pilihan kepada manusia untuk menggunakan keupayaan dan potensi yang diberikan untuk melaksanakan peranan manusia sebagai hamba dan khalifah mengikut syariat yang telah ditetapkan. Semua manusia diberikan peluang untuk memiliki kelebihan bakat sama ada menerusi usaha manusia sendiri dan kurniaan daripada Allah SWT. Hasil penulisan mendapati budaya merupakan antara faktor dominan menyumbang terhadap pembangunan bakat seseorang manusia dalam meralisasikan peranan dan tujuan penciptaan manusia semasa hidup di dunia. Quran dan dikirmkan para Nabi dan Rasul untuk dijadikan panduan kehidupan.

### Rujukan

- Abdul Malik Karim Amrullah. *Tafsir Al-Azhar*, Juzuk 14. . Kuala Lumpur: BS Print (M) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 2020.
- Hamzah, Adi Ari, and Dedi Rismanto. "Konsep Manusia dalam Al-Qur'an Surat Al-Tin Pendekatan *Tafsir Fazlur Rahman*." *Lisyabab: Jurnal Studi Islam dan Sosial* 3, no. 1 (2022): 53-66.
- Abu Yazid & Noriah Abu Bakar. *Kaunseling Dalam Pendidikan Pintar Dan Berbakat Di Malaysia*. UKM, Bangi, (2019).
- Afizi, W., Hanafi, W., Ahmad, S., & Ali, N. Faktor Budaya Dan Persekutaran Dalam Prestasi Pendidikan Anak Orang Asli Malaysia: Kajian Kes Di Kelantan (Cultural And Environmental Factors In The Educational Performance Of Malaysian Aboriginal Children: A Kelantan Case Study). *Geografi - Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), (2017): 107–122.
- Ahmad Nazri Mohd Yusof. "Hidup Berpasangan Beri Ketenangan," *Berita Harian*, May 15, 2017. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2017/05/283034/hidup-berpasangan-beri-ketenangan>.
- Ahmad Izza Muttaqin, Nilai-nilai Pendidikan Multikultural dalam Al Quran. *Jurnal Darussalam; Jurnal Pendidikan, Komunikasi dan Pemikiran Hukum Islam*. Vol. IX, No2. (April 2018): 283-293.

- Alfurqan & Harmonedi. Pandangan Islam Terhadap Manusia: Terminologi Manusia dan Konsep Fitrah Serta Implikasinya dengan Pendidikan. *Jurnal Educative: Journal of Educational Studies*. Vol 2, No 2, (July – December 2017).
- Alwi HS, M., Robikah, S., & Parninsih, I. Reinterpretation of the Term Al-Nas (QS. Al-Hujurat 13) in Relation to the Social Aspects of Human and Homo Sapiens. *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu Al-Qur'an Dan Hadith*, 22(2), (2021): 485–504. <https://doi.org/10.14421/qh.2021.2202-11>.
- Asti Amelia dan Achmad Khudori Soleh. Perbandingan Aqal, Nafsu Dan Qolbu Dalam Ilmu Tasawuf. *Jurnal Tarbiyah Islamiyah*. Volume 8 Nomor 1 Edisi April (2023). <http://repository.uin-malang.ac.id/13643/7/13643.pdf>.
- Ansari, D. Culture and education: new frontiers in brain plasticity. *Trends in cognitive sciences*, 16(2), (2012): 93-95.
- Azizan Baharuddin & Norkumala Awang. Al-Quran & Sains, Pemetaan Rintis Penyelidikan. IKIM, Selangor, (2017).
- Bayar, A., & Karaduman, H. A. The Effects of School Culture on Students Academic Achievements. *Shanlax International Journal of Education*, 9(3). (2021). <https://doi.org/10.34293/education.v9i3.3885>,
- Djiraro Mangue, C. L., & Gonondo, J. Academic Culture and Talent Cultivation. *Journal of Comparative & International Higher Education*, 13(1). (2021). <https://doi.org/10.32674/jcihe.v13i1.3133>.
- Elsbeth Court, Drawing On Culture: The Influence Of Culture On Children's Drawing Performance In Rural Kenya. *Journal of Art & Design Education*. Vol 8, no 1, (1989).
- Feldman, D. H. Giftedness As A Developmentalist Sees It, In: R. J. Sternberg & J. E. Davidson (Eds) Conceptions Of Giftedness (New York, Cambridge University Press), (1986): 285–305.
- François Gagné. Transforming Gifts Into Talents: The DMGT As A Developmental Theory. *High Ability Studies*, Vol. 15, No. 2, (December 2004).
- Hardy Loh Rahim, Mohd Ali Bahari Abdul Kadir, Zanariah Zainal Abidin, Junainah Junid, Laila Mohd Kamaruddin, Noor Faizah Mohd Lajin, Siti Zahrah Buyong , Adlan Ahmad Bakri. Entrepreneurship Education In Malaysia: A Critical Review, *Journal of Technology Management and Business*. Vol 02, No 02, (2015).
- Inong Satriadi. "Tujuan Penciptaan Manusia Dan Nilai Edukasinya (Kajian Tafsir Tematis)," Satriadi | Ta'dib, (2009). <https://ojs.iainbatusangkar.ac.id/ojs/index.php/takdib/article/view/153/152>.
- Izza Muttaqin, Ahmad Izza Muttaqin, Nilai-nilai Pendidikan Multikultural dalam Al Quran. *Jurnal Darussalam; Jurnal Pendidikan, Komunikasi dan Pemikiran Hukum Islam*. Vol. IX, No2. (April 2018): 283-293.
- Izzati, H. Potensi Pembelajaran Manusia : Perspektif Neurosains Dan Islam. *ALIFBATA: Journal of Primary Education*, 1(1), (2021): 64–77. <https://doi.org/10.51700/alifbata.v1i1.89>.
- Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Kuala Lumpur, 1979.
- Khairul Anuar Mohamad. "Al-Quran Dan Kejadian Manusia." Utusan Malaysia, (1 September 2020). <https://www.utusan.com.my/gaya/2020/09/al-quran-dan-kejadian-manusia/>.
- Kana'iaupuni, S., Ledward, B., & Jensen, U. Culture-Based Education And Its Relationship To Student Outcomes. *Education*, 12, (2010): 1–30.

- Miftah Syarif. Hakekat Manusia dan Implikasinya Pada Pendidikan Islam. *Jurnal Al-Thariqah* Vol. 2, No. 2, (Desember 2017).
- Kyong-Ah Kwon, Jennie De Gagne, Gyesook Yoon. Does Culture Matter? A Qualitative Inquiry Of Helicopter Parenting In Korean American College Students. *Arcile In Journal Of Child And Family Studies*. *J Child Fam Stud* (2017). 26:1979–1990 DOI 10.1007/s10826-017-0694-8.
- Martin J. Packer & Micael Cole. Culture and Human Development. Oxford Research Encyclopedias.(2020)  
<https://oxfordre.com/psychology/display/10.1093/acrefore/9780190236557.001.0001/acrefore-9780190236557-e-581>.
- Mastura Abd Wahab & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. Konsep Agama, Islam, Ilmu dan Akhlak. *The Malaysia Journal of Islamic Sciences*. Vol. 33. (August 2021).
- Mohd Akib, M. M., & Syed Muhsin, S. B. Perbahasan Potensi Jiwa Menurut Ibn Sina dan al-Ghazali: Discussion on the Potential of Soul According to Ibn Sina and al-Ghazali. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 21(1), (2019): 85–110.  
<https://doi.org/10.22452/afkar.vol21no1.3>.
- Mohd Manawi Mohd Akib, Hamdi Ishak, Ahmad Fakhruzzai Mohammed Zabidi, "Penciptaan Jiwa dari Sudut Ilmu Tafsir dan Falsafah Islam," *Afkar* Vol. 25 No. 1 (2023): 231-252
- Mohd Shahrizal Nasir. Menggapai Kejayaan Hakiki. (31 Januari 2022)  
<https://www.hmetro.com.my/addin/2022/01/805560/menggapai-kejayaan-hakiki>.
- Mohd Shukri Hanapi. Taqarrub kepada Allah rahsia kejayaan. *Harian Metro*.(2023).  
<https://www.hmetro.com.my/addin/2023/08/997137/taqarrub-kepada-allah-rahsgia-kejayaan>.
- Muhammad Amin. Kedudukan Akal dalam Islam. *Tarbawi*, Jurnal Pendidikan Agama Islam. Volume 3 No.1.(Januari-Jun 2018).
- Muhammad Musfiqie bin Ahmad Ayoub @ Ayub. Irsyad Al-Hadith Siri Ke-150:Memanah, Berenang dan Berkuda.(2016). <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1042-irsyad-al-hadith-siri-ke-150-memanah-berenang-dan-berkuda>.
- Nur Hanani Hussin, & Ab. Halim Tamuri. Pendidikan Abad ke 21 Dalam Kepelbagai Budaya : Cabaran dan Harapan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor ( KUIS ) Bahagian Pendidikan Islam. *Kertas Kerja Ucaputama Seminar Pedagogi Antarabangsa Ke-8 (PEDA8)*, (September 2017): 1–12.
- Oyserman, D., & Lee, S. W. S. Does Culture Influence What and How We Think? Effects of Priming Individualism and Collectivism. *Psychological Bulletin*, 134(2),(2018): 311–342.  
<https://doi.org/10.1037/0033-2909.134.2.311>.
- Rosita, S., Andrean, M. F., & Chairunnisa, F. The Role of Academic Culture as an Intervention in Increasing the Influence of the Learning Environment on Student Self-Actualization. *Management Research and Behavior Journal*, 2(2). (2022).  
<https://doi.org/10.29103/mrbj.v2i2.9196>.
- Rizky Wardhani, Latar belakang Budaya dan Pendidikan pada Gaya Belajar Mahasiswa prodi Mandarin Fakultas Bahasa dan Seni Universitas Negeri Jakarta. Laporan Publikasi Ilmiah. (19 March 2018). <https://fbs.unj.ac.id/mandarin/?p=488>.
- Shamsiah binti Md Supi. Maqasid syariah dalam kekeluargaan (6 September 2017).  
<https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2017/09/06/maqasid-syariah-dalam-kekeluargaan>.

- Siti Nurjanah, Muhammad Talhah, & Ajmain Safar. Pendidikan Anak-Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan. *Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor*, 1–14. 2019. <https://www.researchgate.net/publication/341252351>.
- Sri Syafa“ati & Hidayatul Muamanah. Konsep Pendidikan Menurut Muhammad Naquib Al-Attas Dan Relevansinya Dengan Sistem Pendidikan Nasional. PALAPA : Jurnal Studi Keislaman dan Ilmu Pendidikan Volume 8, Nomor 2, (November 2020): 285-301 <https://ejournal.stitpn.ac.id/index.php/palapa>.
- Sternberg, R. J., & Grigorenko, E. L. Intelligence And Culture: How Culture Shapes What Intelligence Means, And The Implications For A Science Of Well-Being. *Philosophical Transactions of the Royal Society B: Biological Sciences*, 359(1449),(2004): 1427–1434. <https://doi.org/10.1098/rstb.2004.1514>.
- Sumiarti\*Usman, Muhammad Hadi, Novizal Wendry, Meki Johendra. Tujuan Pendidikan Islam Menurut Al Ghazali Ditinjau Dari Perspektif Hadith. *Jurnal Kajian Hadith dan Integrasi Ilmu*. Vol. 1 No. 2 (Januari-Juni 2021 M/1442 H).
- Ulya, K. Pelaksanaan Metode Pembiasaan di Pendidikan Anak Usia Dini Bina Generasi Tembilahan Kota. *ASATIZA: Jurnal Pendidikan*, 1(1). (2020).<https://doi.org/10.46963/asatiza.v1i1.58>.
- Yasin Md Rafangi @ Md Rafee, Mohd Radhi Ibrahim, Mohd Rosmizi Abd Rahman. The Nature Of Man According To Ibnu Sina. E-Proceedings Of The International Conference On Aqidah, Religions And Social Sciences (SIGMA10). 2020. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/17086>.
- Yusuf S., Mohammad Ahyan. Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas Tentang Pendidikan Islam. Tamaddun : Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan, [S.I.], (Nov 2017): p. 1-29. Available at: <<https://journal.umg.ac.id/index.php/tamaddun/article/view/65>>. Date accessed: 26 jan. 2024. doi: <http://dx.doi.org/10.30587/tamaddun.v0i0.65>.
- Wood, S, Gifted And Talented Adolescents' Experiences In School Counseling. Disertasi Ph.D. The College of William and Maru, Virginia.
- Zakaria Mohd. Yusof. Pendidikan Vokasional Strategi Elak Keciciran. Utusan Online. (24 Mei 2008).